

初中一新生入学考试考模拟试卷 1

国文科题目卷

日期:_____年_____月_____日 (星期_____)

时间:_____至 _____ (60 分钟)

考生须知:

- 一、 本试卷共印 13 页, 40 题, 必须全部做完。
- 二、 选择题只可用 2B 铅笔作答, 把你所选的答案字母的空间涂黑。
- 三、 每一道题目, 只可以选择一个答案。
- 四、 如果你要更改答案, 必须先把原来的答案擦干净, 然后才涂黑新的答案。
- 五、 考生只须交上答案卷。

未经得许可, 不得翻开试卷

姓名: _____ ()

班级: _____

Jawab semua soalan dan isikan jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PERTANDINGAN PENDIDIKAN LALU LINTAS SHELL

JOHOR BAHRU, 5 Julai - Johor telah muncul sebagai johan keseluruhan Pertandingan Pendidikan Lalu Lintas Shell Sekolah-sekolah Peringkat Kebangsaan ke-30 yang berakhir semalam.

Kontijen tuan rumah yang menjuarai kategori sekolah menengah dan naib johan kategori sekolah rendah telah menerima hadiah wang tunai berjumlah RM9000.

Menteri Besar Johor, Datuk Mohamed Khaleed Nordin hadir untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan. Turut hadir mengiringi beliau ialah Pengarah Pendidikan Negeri Johor.

Pertandingan yang berlangsung selama empat hari itu disertai seramai 600 orang murid yang mewakili negeri masing-masing. Pengurus besar Shell Malaysia semasa berucap dalam majlis itu berkata, Shell telah menganjurkan pertandingan itu sejak sekian lama sebagai melaksanakan tanggungjawab sosialnya.

Menurut beliau, pertandingan yang diadakan itu bertujuan untuk menanamkan sifat prihatin dalam diri pemandu atau pejalan kaki terhadap aspek keselamatan semasa di jalan raya.

Learning Academy

1. Apakah jenis petikan yang diberi?

- A. Laporan
- B. Dialog
- C. Syarahan

D. Berita

2.Negeri yang manakah terpilih sebagai tuan rumah Pertandingan Lalu Lintas Sekolah-sekolah Peringkat Kebangsaan?

A. Johor

B. Pahang

C. Kelantan

D. Terengganu

3.Mengapakah Menteri Besar Johor hadir dalam pertandingan itu?

A. Untuk menyampaikan ucapan.

B. Untuk merasmikan pertandingan itu.

C. Untuk menemui peserta pertandingan.

D. Untuk menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

4.Apakah tujuan pertandingan Lalu Lintas Shell itu diadakan?

A. Untuk memperkenalkan Shell kepada orang ramai.

B. Untuk menanamkan sifat prihatin dalam diri pemandu atau pejalan kaki terhadap aspek keselamatan semasa di jalan raya.

C. Untuk memberikan sumbangan kepada semua murid sekolah.

D. Untuk mengumpul murid-murid dari seluruh negara untuk berkenalan.

5.Tuan rumah dalam petikan bermaksud

A. Penganjur acara

B. Penganjur kelab

C. Penganjur sukan

D. Penganjur rumah terbuka

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Antara projek pertanian desa yang diberikan keutamaan oleh kerajaan ialah penternakan puyuh dan ayam, projek kolam ikan air tawar dan ikan sangkar, menanam sayur serta buah-buahan, membuat dan membungkus makanan ringan, dan sebagainya. Penduduk Kampung Mesra juga tidak ketinggalan menyertai projek ini.

Tujuan utama mereka menyertai projek ini adalah untuk menyahut seruan kerajaan yang menggalakkan penduduk kampung menceburkan diri dalam pertanian desa. Mereka telah menjalankan projek ikan air tawar di dalam kolam secara sistem kelompok. Sebelum aktiviti menternak ikan air tawar itu dijalankan, mereka menggali tanah-tanah terbiar. Usaha mereka juga telah mendapat galakan daripada pengurus tanah rancangan di situ.

Kegiatan tersebut dapat dijalankan dengan jayanya kerana penduduk kampung itu bekerja seperti aur dengan tebing, di samping memperoleh sokongan padu daripada pengurus tanah rancangan dan wakil rakyat tempat mereka. Pihak Lembaga Pertubuhan Peladang turut membantu dan memberikan nasihat, selain membimbing mereka tentang cara-cara mengendalikan projek tersebut. Setiap kelompok terdiri daripada lima keluarga dengan tiga buah kolam ternakan. Pihak kerajaan juga turut menghulurkan bantuan kewangan kepada peserta yang berminat menyertai projek ini.

Ikan-ikan di situ ialah lampan jawa, kap, tongsan, haruan, patin, tilapia dan pelbagai lagi. Sejak projek itu dijalankan, penduduk telah beberapa kali menuai hasil mereka. Mereka meraih keuntungan antara RM500 hingga RM900 sebuah bagi setiap jualan. Hasil tersebut kemudiannya dibahagikan sama rata dan ditabungkan sebagai modal pusingan. Mereka tidak menghadapi masalah pasaran kerana pihak Lembaga Pertubuhan Peladang sedia membelinya malahan permintaan dari kawasan setempat juga amat menggalakkan. Kegigihan dan kesabaran mereka membuahkan hasil dan seterusnya meringankan perbelanjaan harian, termasuk kos pendidikan anak-anak.

6. Perkataan 'meraih' dalam petikan di atas sesuai digantikan dengan perkataan:

A. memperoleh

B. menyimpan

C. merekod

D. mencipta

7. Berapa buah keluargakah yang menyertai setiap kelompok projek ternakan ikan tersebut?

A. Dua

B. Lima

C. Sembilan ratus

D. Lima ratus

8. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh penduduk sebelum menternak ikan air tawar?

A. Menggali tanah-tanah terbiar

B. Menternak ayam dan puyuh

C. Menanam sayur dan buah-buahan

D. Membuat dan membungkus makanan ringan

9. Tujuan utama mereka menyertai projek itu adalah untuk...

A. mengisi masa

B. menyahut seruan kerajaan

C. meningkatkan lapangan

D. memupuk kerjasama dan permuafakatan

10. Semua yang berikut telah menyumbang kejayaan program tersebut **KECUALI**:

A. tidak mendapat kerjasama daripada penduduk kampung

B. mendapat bimbingan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang

C. mendapat sokongan padu daripada pengurus tanah rancangan dan wakil rakyat

D. memperoleh bantuan kewangan daripada kerajaan

11. Pelajar yang sesat itu tiba di sebuah _____ orang Asli.

A. petempatan

B. ditempatkan

C. ketempatan

D. menempatkan

12. “Harga _____ rambutan ini cuma RM3.00,” kata penjual itu kepada Salwa.

A. seulas

B. sebiji

C. seikat

D. sebuah

13. Encik Musa ke Putrajaya untuk menghadiri _____ bagi mendapatkan biasiswa pelajaran.

A. temu duga

B. temu bual

C. temu ramah

D. janji temu

14. Kami tidak tahu bahawa lelaki itu _____ kerana penampilannya tidak menonjolkan kemewahan.

A. karyawan

B. hartawan

C. wartawan

D. usahawan

15. Dua _____ tikar telah dibentangkan di ruang tamu rumahnya sebelum kedatangan tetamu.

A. helai

B. buah

C. keping

D. gelung

16. “Jangan _____ mencabar kebolehan aku bersilat.” kata Dollah kepada Megat.

A. dia

B. kami

C. saya

D. engkau

17. “Besarlah harapan _____ sekiranya tuan dapat hadir ke majlis itu nanti,” kata Sham dan Tan kepada majikan mereka.

A. kita

B. kalian

C. kami

D. anda

18. Mun Kit makan _____ jaguang bakar sambil membaca buku ceritanya di ruang tamu.

A. sebatang

B. setongkol

C. sekaki

D. sebiji

19. Ali menggunakan _____ mata kail dan _____ joran ketika memancing ikan.

A. seurat, sekaki

B. scutas, serawan

C. sebuah, setangkai

D. sebertuk, sebatang

20. Pelajar-pelajar dikehendaki meletakkan beg sekolah _____ di dalam kelas sebelum beratur.

A. segala

B. masing-masing

C. tiap-tiap

D. seluruh

21. Pihak sekolah _____ derma untuk membantu murid yang malang itu.

A. memungut

B. dipungut

C. punguti

D. memunguti

22. Semua murid _____ di dewan sekolah.

A. mengumpulkan

B. mengumpuli

C. dikumpul

D. berkumpul

23. Cheng Wu berasa bimbang kerana banjir kilat (kerap) berlaku di kampung mereka.

Pilih perkataan seerti bagi "kerap".

A. jarang-jarang

B. selalu

C. kadang-kadang

D. tidak pernah

24. Pak Ali berasa bangga kerana jualan makanannya sangat (laku).

Pilih perkataan seerti bagi "laku".

A. laris

B. bankrap

C. muflis

D. Berjaya

25. Puan Suri menambah air pada santan yang (pekat) itu.

Pilih perkataan berlawanan bagi "pekat".

A. cair

B. likat

C. suam

D. melekat

26. Baju-baju yang (basah) itu dimasukkan ke dalam baldi oleh Amin.

Pilih perkataan berlawanan bagi "basah".

A. lembap

B. becak

C. kuyup

D. kering

27. Amirah _____. Dia suka membocorkan rahsia orang.

A. mulut tempayan

B. telinga kualiti

C. kepala angin

D. kaki bangku

28. Kepulangan bekas banduan itu menjadi _____ penduduk kampungnya.

A. buah hati

B. buah mulut

C. buah tangan

D. anak buah

29. Encik Ahmad dan Puan Zaleha menjaga anak tunggal mereka bagi _____.

A. menghitung bulu kambing

B. bulan dipagari bintang

C. menatang minyak yang penuh

D. air titik ke batu

30. Ali yang tidak pernah pulang ke kampung untuk menjenguk ibu bapanya setelah berjaya dalam hidup itu bagi _____.

A. kacang lupakan kulit

B. anak ayam kehilangan ibu

C. langit dengan bumi

D. ular kena palu

31. Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan. "Saya belum makan sarapan lagi," kata adik kepada ibu.

A. Adik berkata kepada ibu bahawa saya belum makan sarapan lagi.

B. Adik berkata kepada ibu bahawa dia belum makan sarapan lagi.

C. Ibu berkata kepada adik bahawa saya belum makan sarapan lagi.

D. Ibu berkata kepada adik bahawa dia belum makan sarapan lagi.

32. Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan. "Syabas, kamu layak ke pusingan seterusnya," kata Cikgu Suri kepada Sze Tin.

A. Sze Tin mengucapkan syabas kepada kamu kerana Cikgu Suri layak ke pusingan seterusnya .

B. Sze Tin mengucapkan syabas kepada Cikgu Suri kerana dia layak ke pusingan seterusnya.

C. Cikgu Suri mengucapkan syabas kepada kamu kerana Sze Tin layak ke pusingan seterusnya.

D. Cikgu Suri mengucapkan syabas kepada Sze Tin kerana dia layak ke pusingan seterusnya.

33. Murid-murid yang melanggar peraturan sekolah akan diambil tindakan. Pilih ayat tanya yang sesuai.

A. Apakah yang akan dilakukan kepada murid-murid yang melanggar peraturan sekolah?

B. Bilakah murid-murid yang melanggar peraturan sekolah akan diambil tindakan?

C. Bagaimanakah murid-murid yang melanggar peraturan sekolah akan diambil tindakan?

D. Mengapakah murid-murid melanggar peraturan sekolah akan diambil tindakan?

34. Saya akan memakai baju kebaya ke majlis itu. Pilih ayat tanya yang sesuai.

A. Baju yang manakah akan kamu pilih?

B. Apakah warna baju kebaya awak?

C. Siapakah yang berkebaya merah itu?

D. Apakah baju yang akan kamu pakai ke majlis itu?

Isi tempat kosong dalam petikan di bawah dengan kata yang paling tepat.

Guru boleh dianggap sebagai _____35_____ kepada murid-murid di sekolah. Guru bukan sahaja perlu _____36_____murid-murid malah perlu _____37_____masa dan tenaga. Seterusnya, guru turut perlu membantu murid-murid yang _____38_____ dalam pelajaran. Guru tidak pernah _____39_____ mendidik murid-murid agar berjaya dalam pelajaran dan menjadi _____40_____ yang berguna. Pelajar haruslah menghargai jasa guru dengan terus berusaha.

35.

A. guru

B. insan

C. penjaga

D. lemah

36.

A. mengajar

B. mendidik

C. mengorbankan

D. jemu

37.

- A. menggunakan
- B. mengorbankan
- C. menyimpan
- D. menghabiskan

38.

- A. pandai
- B. rajin
- C. malas
- D. lemah

39.

- A. jemu
- B. seronok
- C. marah
- D. sedih

40.

- A. pelajar
- B. guru
- C. insan
- D. penjaga



解析

1. D (Petikan berbentuk laporan peristiwa aktual (ada tarikh, lokasi, dan fakta))
2. A (Dinyatakan jelas: "Johor muncul sebagai johan keseluruhan" dan "kontijen tuan rumah".)
3. D ("Menteri Besar Johor hadir untuk menyampaikan hadiah")
4. B (Dinyatakan dalam petikan: "bertujuan untuk menanamkan sifat prihatin...")
5. A ("Tuan rumah" merujuk kepada negeri yang menganjurkan pertandingan)
6. A ("Meraih keuntungan" = memperoleh keuntungan)
7. B ("Setiap kelompok terdiri daripada lima keluarga")
8. A ("Sebelum menternak, mereka menggali tanah terbiar")
9. B ("Tujuan utama... menyahut seruan kerajaan")
10. A (Pilihan lain semua disebut sebagai faktor kejayaan, kecuali A)
11. A (tempat tinggal orang Asli)
12. C (untuk rambutan yang dijual dalam ikatan)
13. A (sesi formal untuk biasiswa)
14. B (lelaki kaya, sesuai dengan konteks "kemewahan")
15. A (untuk tikar)
16. D (kata ganti orang kedua)
17. C (kata ganti orang pertama jamak)
18. B (untuk jagung bakar)
19. D (sebentuk (mata kail), sebatang (joran))
20. B (setiap pelajar meletakkan beg sendiri)
21. A (kata kerja aktif)
22. D (kata kerja tak transitif)
23. B (sinonim "kerap")
24. A (sinonim "laku")
25. A (antonim "pekat")
26. D (antonim "basah")
27. A (suka bocorkan rahsia)
28. B (topik perbualan)
29. C (berhati-hati)

- 30. A (melupakan asal usul)
- 31. B (laporan tepat)
- 32. D (struktur laporan betul)
- 33. A (sesuai konteks)
- 34. D (soalan paling relevan)
- 35. C (seseorang yang menjaga dan membimbing, sejajar dengan peranan guru)
- 36. B (tugas utama guru)
- 37. B (memberi masa/tenaga)
- 38. D (murid yang perlukan bantuan)
- 39. A (guru tidak jemu mengajar)
- 40. C (menjadi manusia berguna)

